



BULETIN JKSS

BIL 1/2025

PEMBUKAAN TAHUN PERUNDANGAN SYARIAH 2025

21 Januari 2025 | 21 Rejab 1446H (Selasa)

Jabatan Kehakiman Syariah melakarkan sejarah apabila buat julung kali mengadakan Pembukaan Tahun Perundangan Syariah Sarawak atau OSLYS 2025 pada Selasa, 21 Januari 2025 bersamaan 21 Rejab 1446H bertempat di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuching. Objektif penganjuran OSLYS 2025 antara lain adalah untuk memperbaharui komitmen terhadap prinsip-prinsip keadilan, kecekapan, dan integriti dalam sistem kehakiman. Kedua, meraikan pencapaian serta memperingati cabaran yang dihadapi dalam menegakkan undang-undang. Ketiga, mewujudkan kesedaran dan kerjasama dalam kalangan profesional perundangan syariah bagi mengangkat martabat undang-undang syariah melalui pemahaman yang mendalam, kolaborasi strategik dan pengukuhan sistem perundangan syariah negeri Sarawak dan akhir sekali, mengangkat imej Badan Kehakiman dan Perundangan Syariah Sarawak sebagai institusi yang tetap relevan dalam menegakkan keadilan berdasarkan undang-undang dan hukum syarak untuk tahun-tahun mendatang melalui penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Antara pengisian OSLYS 2025 adalah Amanat Negarawan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar selaku tetamu kehormat.



Perarakan masuk Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah daripada seluruh Malaysia.



Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Ketua-Ketua Hakim Syarie daripada setiap negeri merakamkan gambar kenang-kenangan bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Binti Mohd Sanusi.




Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menyampaikan Syaranan Negarawan sempena Pembukaan Tahun Perundangan Syariah Sarawak 2025.

KONVENSYEN SYARIAH KEBANGSAAN SARAWAK 2025

Selasa-Rabu | 24-25 Jun 2025 | 27-28 Zulhijah 1446H

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak mengorak langkah ke hadapan dalam perundang syariah dalam menganjurkan Konvensyen Syariah Kebangsaan Sarawak pada 24 hingga 25 Jun 2025 bertempat di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuching. Seramai lebih 700 peserta dari dalam dan luar negara termasuk Brunei Darussalam, Indonesia dan Singapura telah menyertai konvensyen tersebut. Antara objektif penganjuran adalah memperkuuh sistem perundangan Syariah melalui adaptasi teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) demi mempertingkat keberkesanan serta kecekapan sistem kehakiman Syariah. Kedua, memartabatkan institusi kehakiman Syariah sebagai teras keadilan berlandaskan prinsip Islam melalui penerapan inovasi teknologi dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah mahkamah dan yang ketiga, memperkuuhkan jaringan kerjasama serantau dan antarabangsa dengan institusi kehakiman negara-negara serantau bagi perkongsian amalan terbaik dan inovasi dalam sistem perundangan Syariah yang bersifat kontemporari. Program telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan teks ucapan dibaca oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awg Tengah Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II, Sarawak yang seterusnya melancarkan Sistem i-Syariah. Kemudian tetamu kehormat menyaksikan upacara menandatangani dan penyerahan Memorandum Persefahaman (MOU) antara Jabatan Kehakiman Syariah bersama Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Malaya



Syarat Pelantikan Hakim dalam Islam

- Fuqaha menetapkan syarat ketat untuk memastikan integriti dan kelayakan seorang hakim. Syarat tersebut:
 1. **Islam:** Jawatan mulia, kekuferan tidak sesuai.
 2. **Merdeka:** Kelayakan sempurna, bebas membuat keputusan.
 3. **Baligh & Berakal:** Mampu membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain.
 4. **Adil:** Bebas dosa besar/berterusan dosa kecil. (Mazhab Hanafi ada kelonggaran bersyarat).
 5. **Boleh Melihat, Mendengar & Bercakap:** Disepakati fuqaha untuk membezakan pihak, memahami hujah, dan menuturkan keputusan.
 6. **Mujtahid & Bukan Muqallid:** (Majoriti Ulama) Mampu berijihad. (Hanafi: Muqallid boleh jika merujuk fatwa).
 7. **Lelaki:** (Majoriti Ulama) Hanafi: Wanita boleh terhad kes bukan Hudud/Qisas.
 8. **Berpengalaman, Fasih & Cerdas:** Untuk memahami kes dan hujahan dengan tepat.



PERTANDINGAN MAHKAMAH MUT SYARIAH PIALA KETUA HAKIM SYARIE SARAWAK

26-27 Oktober 2024

Dalam hasrat untuk mendedahkan generasi muda kepada perundangan Islam, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Pertandingan Mahkamah Mut Piala Ketua Hakim Syarie pada 26-27 Oktober 2024. Sebanyak 5 pasukan daripada 4 buah Sekolah Menengah Agama di bahagian Kuching telah menyertai pertandingan. Objetif utama penganjuran adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar di peringkat sekolah menengah berkenaan bidang perundangan dan kehakiman syariah serta memupuk minat pelajar untuk menyambung pengajian dalam bidang perundangan syariah. Selain itu, untuk membina keyakinan diri dan membentuk pemikiran kritis dan kreatif pelajar. Pertandingan telah dimenangi oleh pasukan daripada Sekolah Menengah Agama Tun Ahmad Zaidi Kuching.



LAWATAN KERJA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK KE PENGADILAN AGAMA DAN KANTOR URUSAN AGAMA PONTIANAK DAN SINGKAWANG, KALIMANTAN BARAT, INDONESIA

8 – 13 September 2025

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah mengadakan Lawatan Kerja 5 hari ke Pontianak dan Singkawang , Kalimantan Barat, Indonesia. Lawatan ini adalah bertujuan untuk mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pihak berkuasa agama Islam di Indonesia untuk mendapatkan maklumat terkini dan penjelasan lanjut berhubung prosedur perkahwinan warga asing khususnya dalam kes-kes yang melibatkan perkahwinan rakyat Malaysia di Indonesia khususnya di Pontianak dan Singkawang disamping menimba pengalaman serta mempelajari berkenaan mekanisme sistem pelaksanaan dan perjalanan kehakiman yang mengamalkan sistem inquisitorial. Justeru, lawatan ke tempat pelaksanaan merupakan salah satu mekanisme yang amat berkesan bagi mendapatkan informasi dalam pelaksanaan tersebut.Dalam rangka lawatan tersebut, rombongan telah melawat Kementerian Agama Pontianak dan Singkawang, Pengadilan Tinggi Agama Pontianak, Pengadilan Tinggi Agama Kelas 1A dan Kantor Urusan Agama Pontianak dan Singkawang. Rombongan yang diketuai oleh YAA Datu Haji Awg Suhaili b Ledi, Ketua Hakim Syarie Sarawak juga sempat mengadakan kunjungan rasmi ke Konsulat Malaysia di Pontianak. Turut serta dalam lawatan tersebut adalah Ketua Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Tuan Haji Jamaludin b Taim serta Ketua Bahagian Pendakwaan JAIS dan Ketua Unit Integriti JAIS.





BENGKEL KLUSTER KERJASAMA SOSIAL DAN BUDAYA SOSEK MALINDO (BIDANG PERUNDANGAN ISLAM)

27-28 Februari 2025

Hotel Hilton Kuching

Bengkel Kluster Kerjasama Sosial dan Budaya SOSEK Malindo (Bidang Perundangan Islam) adalah bertitik tolak daripada Persidangan SOSEK MALindo kali ke-37 berkaitan usul baharu untuk Kertas Kerja 1 (Perenggan 3.5) dalam Kluster Kerjasama Bidang Sosial dan Budaya di Singkawang Indonesia pada 23 November 2024. Bengkel ini telah dihadiri oleh Konsulat Malaysia di Pontianak, Tuan Azizul Zekri bin Abd Rahim, Ustaz Mohd Shamsuri Bin Ghazali, Atase Agama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kedutaan Besar Malaysia Jakarta serta Puan Ely Syafitri Handayani, wakil Konsul Bahagian Sosial dan Budaya, Konsulat Jeneral Indonesia di Kuching. Bengkel juga dihadiri secara maya daripada Kementerian Agama Pontinak. Bengkel telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu Bin Taha.





